

Kunci

- Jika minyak, lilin atau gris terlekat pada Honda SMART Key, lap dengan segera untuk mengelakkan ia daripada retak atau meleding.
- Jangan buka Honda SMART Key selain daripada semasa menukar bateri. Hanya penutup Honda SMART Key boleh dibuka. Jangan buka bahagian lain.
- Jangan hilangkan Honda SMART Key anda. Jika anda kehilangannya, anda perlu mendaftarkan Honda SMART Key yang baharu. Sila berjumpa wakil penganjur sah anda dengan membawa bersama kunci kecemasan dan tag ID untuk pendaftaran.

Bateri di dalam sistem Honda SMART Key biasanya boleh bertahan selama 2 tahun.

Jangan simpan telefon bimbit atau peranti pemancaran radio lain dalam mana-mana kompartmen. Frekuensi radio daripada peranti akan mengganggu sistem Honda SMART Key.

Untuk mendapatkan satu lagi Honda SMART Key, bawa Honda SMART Key dan skuter ke wakil penganjur sah anda.

